

Ideas: Malaysia perlukan 'kerajaan terhad' tangani krisis urus tadbir
The Malaysian Insider
19 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 19 Dis – Malaysia memerlukan satu sistem “kerajaan terhad” - konsep yang menghadkan peranan pihak pemerintah bagi mengelakkan pelbagai krisis yang disaksikan dalam urus tadbir negara, kata Institut Hal Ehwal Demokrasi dan Ekonomi (Ideas).

Eksekutif Kanannya Medecci Lineil berkata, pelaksanaan konsep 'kerajaan terhad' antaranya harus meliputi saiz dan bilangan perkhidmatan awam yang kecil dan cekap, dan peranan ke arah itu harus diperlihatkan oleh Pakatan Rakyat bagi mewujudkan perbezaan tulen.

Selain itu, katanya, perbelanjaan kerajaan bagi emolumen, subsidi korporat dan sosial harus dipotong bagi memastikan sumber-sumber ekonomi, buruh dan modal digunakan secara efisien,” kata beliau dalam satu kenyataannya hari ini, yang mengulas ucapan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim bertajuk Debunking ETP: Widening Income Gap, Khamis lalu.

Malah katanya, cukai kenderaan import seharusnya dimansuhkan, cukai pendapatan individu dan syarikat dikurangkan dan sektor pendidikan dan ekonomi perlu diliberalisasikan. Tetapi semua ini tidak disentuh dengan serius oleh Pakatan Rakyat.

“Datuk Seri Anwar seharusnya mencontohi usaha yang pernah dilakukan oleh Jean Chretien sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri Kanada pada 1990-an. Walaupun beliau memimpin parti berhaluan kiri tengah, beliau melakukan pembaharuan dasar fiskal dan pemotongan perbelanjaan awam secara bersungguh-sungguh demi kebaikan negara,” katanya.

Justeru kata beliau, sekiranya Pakatan Rakyat menunjukkan keikhlasan dalam menghadkan fungsi kerajaan, maka barulah wujud perbezaan tulen antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional (BN).

“Hanya dengan itu Pakatan Rakyat akan menjadi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab,” katanya.

Menurut Lineil, Anwar dalam ucapannya telah menimbulkan beberapa perkara mendesak yang memerlukan perhatian segera.

“Ini termasuklah peningkatan kadar inflasi, pendapatan isi rumah yang semakin menghimpit, kebergantungan kerajaan terhadap Petronas, peningkatan perbelanjaan kerajaan, dan ketirisan dalam pengurusan ekonomi negara,” katanya.

Katanya, semua cabaran ini tidak mungkin diselesaikan sekiranya kita tidak menekankan prinsip kerajaan terhad, pemotongan perbelanjaan kerajaan, pengutamaan sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi, dan peranan sistem harga.

“Banyak masalah kini membelenggu rakyat akibat daripada campur tangan kerajaan yang keterlaluan dalam pelbagai hal. Misalnya, kawalan harga barangan seringkali menimbulkan pelbagai krisis pengguna seperti kekurangan gula, kekurangan minyak masak, serta penyeludupan diesel dan beras. Kadar faedah yang terlalu rendah pula mengakibatkan

ramai rakyat berhutang kad kredit sehingga menjadi mufliis, dan juga krisis hutang isi rumah yang semakin membimbangkan. Ini adalah contoh betapa penolakan liberalisasi pasaran akan membawa kegagalan," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ideas-malaysia-perlukan-kerajaan-terhad-tangani-krisis-urus-tadbir/>